

ABSTRAK

CABARAN YANG DIHADAPI OLEH PEKERJA DI DESA BINA DIRI KUCHING SEMASA MENJAGA GELANDANGAN

Joseph Lee

Gelandangan terus berlaku di negara kita walaupun terdapat beberapa inisiatif yang telah diambil untuk menyelesaikan isu-isu yang sedang berlaku ini. Masalah gelandangan dan kesihatan mental hanya diketahui oleh masyarakat melalui perkembangan dalam media sosial. Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti cabaran yang dihadapi oleh kakitangan pekerja Desa Bina Diri untuk menjaga Orang Papa di Desa Bina Diri, Kuching, Sarawak. Reka bentuk kajian ini bersifat kualitatif dan menggunakan temu bual dengan responden. Responden yang mengambil bahagian dalam kajian ini adalah para pegawai di Desa Bina Diri, Kuching, Sarawak yang menjaga Orang Papa. Seorang responden telah ditemuduga untuk kajian rintis untuk memastikan keberkesanan kaedah penyelidikan yang telah dipilih. Untuk kajian ini, sebanyak lima responden terlibat dan ditemubual di Desa Bina Diri, Kuching, Sarawak. Semua responden dipilih menggunakan teknik persampelan bertujuan dengan menentukan responden sasaran atau jenis ciri-ciri yang akan dipenuhi oleh responden. Kajian mendapati bahawa cabaran yang dihadapi oleh mereka adalah menjaga gelandangan yang tidak mempunyai rumah memerlukan pertolongan dari NGO dan agensi lain untuk bekerjasama dengan kerajaan. Hal ini demikian kerana kekurangan sumber kerajaan dari segi sumber manusia, kewangan dan lain-lain. Penyelidik berharap kajian ini akan memberi manfaat kepada pihak yang berkaitan.

Kata Kunci: Gelandangan, Desa Bina Diri, Cabaran